

1103/1

Bahasa Melayu Kertas 1
Ogos – September 2025

2 jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

=====

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2025

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 30 minit]

Soalan ini mesti dijawab.

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan **jenayah siber** di Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **jenayah siber** dalam kalangan masyarakat. Panjangnya huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.


KEMENTERIAN PERTAHANAN
MALAYSIA

JENAYAH SIBER

DEFINISI

Satu bentuk perlakuan atau pelanggaran undang-undang menggunakan sebarang peranti elektronik yang disambungkan ke rangkaian di ruang siber oleh individu atau kumpulan untuk mengganggu mangsa.

4 JENIS JENAYAH SIBER YANG UTAMA

PENGGODAM Pencerobohan atau memanipulasi sistem komputer tanpa izin.	PENIPUAN Kelakuan yang mengelirukan bagi mendapatkan kelebihan yang menyalahi undang-undang.
GANGGUAN Pencerobohan tingkah laku, mangsa diancam dan dimalukan dengan niat jahat.	KECURIAN IDENTITI Kecurian maklumat peribadi dan digunakan tanpa kebenaran.

SUMBER : Bahagian Teknologi Siber



‘Hati-hati kongsi maklumat di media sosial’

Kuala Lumpur: Penyebaran maklumat tidak sah di media sosial yang boleh mencemar dan mengaibkan orang lain adalah perbuatan yang tidak berakhlak, berdosa dan dilarang Islam.

Sehubungan itu, Penasihat Majlis Agama Islam Johor, Datuk Noh Gadut, meminta orang ramai menggunakan media sosial mengikut adab dan akhlak Islam sebagai medium untuk berdakwah, bukan platform menyebarkan fitnah bagi mengaibkan pihak lain.

“Perlu berhati-hati berkongsi maklumat di media sosial. Mungkin mereka anggap ia perkara remeh, namun memberi kesan buruk kepada individu yang difitnah, sedangkan dalam Islam kita ditegah membuka keburukan sendiri, apatah lagi aib orang lain. Bayangkan perasaan ahli keluarga dan diri sendiri jika difitnah,” katanya.

Ghairah sebar berita


Sambil melahirkan kebimbangan kerana semakin ramai ghairah menyebarkan berita walaupun maklumat itu mungkin tidak tepat atau palsu, beliau berkata, jika maklumat yang dikongsi adalah fitnah, mereka yang turut menyebarkannya dianggap bersubahat dan sama-sama menanggung dosa.

“Kita harus berhati-hati dan perlu ingat jika tiada tindakan diambil atas perbuatan fitnah di dunia, kita tidak akan terselamat di Padang Mahsyar,” katanya yang turut menasihatkan pengguna media sosial agar mendapatkan pengesahan pihak berkuasa dan memeriksa kesahihan maklumat sebelum disebarkan.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Dakwah Negara, Prof Emeritus Datuk Dr Mahmood Zuhdi Abdul Majid, berkata perbuatan menyebarkan maklumat tidak benar boleh menimbulkan fitnah dan individu yang menyebarkannya adalah berdosa dan tidak berakhlak.

“ Kita harus berhati-hati dan perlu ingat jika tiada tindakan diambil atas perbuatan fitnah di dunia, kita tidak akan terselamat di Padang Mahsyar ”

Noh Gadut,
Penasihat Majlis
Agama Islam Johor



[Lihat halaman sebelah

SULIT

BAHAGIAN B

[70 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara **350 hingga 500 patah perkataan**.

1

Generasi kini harus menghargai pengorbanan tokoh dan pahlawan yang mempertahankan kedaulatan negara. Antara cara yang boleh dilaksanakan termasuklah menamakan bangunan atau jalan dengan nama tokoh. Selain itu, ibu bapa boleh membawa anak-anak melawat muzium atau tempat bersejarah di negara kita. Penggubah lagu dan penggiat filem juga boleh menghasilkan lagu serta memperbanyak filem atau dokumentari mengenai tokoh dan pahlawan negara.

Sumber : *Dewan Siswa*, Bil. 08/2024

Berdasarkan petikan, huraikan cara-cara penghargaan tersebut.

2

Pendedahan terhadap aktiviti riadah seperti berbasikal, berjoging, mendaki gunung, dan memanah dalam kalangan remaja sejak awal usia dapat menjadikan mereka cergas dan cerdas. Secara tidak langsung, golongan remaja dapat mengekalkan tahap kesihatan yang baik, membentuk hubungan komunikasi yang baik dan dapat menerapkan perasaan cinta akan alam semula jadi.

Sumber: *Dewan Siswa*, Bil. 7/2020

Huraikan kesan-kesan tersebut.

[Lihat halaman sebelah

3

Terdapat generasi muda yang tidak berminat untuk menyambung pelajaran sejurus tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek menyatakan bahawa sejumlah 180,680 atau 48.74 peratus lepasan SPM sesi persekolahan tahun 2021 memilih untuk tidak menyambung pengajian kerana pengaruh rakan sebaya. Isu ini telah menjadi kegusaran hati semua pihak.

Sumber : *Dewan Masyarakat*, Bil. 11/2023

Huraikan punca yang dinyatakan dalam petikan di atas beserta punca-punca lain yang menyebabkan berlakunya masalah ini.

4

Setiap manusia mempunyai pelbagai minat dan kecenderungan dalam pekerjaan. Mereka akan mencari kerjaya yang bersesuaian dengan minat dan bakat yang dimiliki seperti bekerja sebagai jurujual atau menjadi pereka fesyen. Namun begitu, terdapat cabaran dalam mencari kerjaya yang bersesuaian dengan minat dan bakat dalam diri seseorang pada masa ini.

Sumber : *Dewan Ekonomi*, Bil. 9/2024

Berdasarkan pernyataan dalam petikan, huraikan cabaran-cabaran untuk memenuhi pasaran kerja pada masa ini.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT